

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL  
PENGUKUHAN PEMATUHAN SYARIAH  
DAN PENYAMPAIAN SIJIL PEMATUHAN  
SYARIAH ANGKASA**

**29 NOVEMBER 2023 (RABU)**  
**11.45 PAGI**  
**HOTEL PAYA BUNGA TERENGGANU**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum              Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Salam    Malaysia    Madani,   Salam  
Perpaduan dan Salam Koperasi

## **(Salutasi oleh Penganjur)**

**Para hadirin hadirat yang dirahmati  
Allah Sekalian**

1. Alhamdulillah, setinggi rasa syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT, dapat kita bersama-sama di Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah ini bagi

melaksanakan Bengkel Pengukuhan  
Pematuhan Syariah dan Penyampaian  
Sijil Pematuhan Syariah ANGKASA.

2. Semoga pertemuan kita, bukan sekadar pertemuan jasadi, tetapi ia adalah pertemuan yang menyatukan hati-hati kita ke arah memperkasakan Pematuhan Syariah dalam gerakan

koperasi.

3. Setinggi penghargaan saya ucapkan buat pihak urusetia iaitu ANGKASA melalui Seksyen Pematuhan Syariah di bawah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah dengan kerjasama 3 Jawatankuasa Perhubungan

ANGKASA Negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang, juga semua peserta yang hadir bersama kita pada hari ini.

4. Ini membuktikan bahawa gerakan koperasi kita begitu komited dengan pelaksanaan Pematuhan Syariah mengikut ketetapan Al-Quran dan Al-

Sunnah seperti mana yang digariskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

**Para hadirin hadirat yang dirahmati  
Allah Sekalian**

5. Melalui Garis Panduan 28 : Tadbir Urus Syariah (GP28), Bahagian B, No. 5C, ANGKASA telah dilantik secara rasmi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai Jawatankuasa Syariah Luaran bagi gerakan koperasi.
6. Pelantikan ini membuktikan bahawa SKM begitu komited

memartabatkan Pematuhan Syariah di dalam gerakan koperasi. Ia juga menunjukkan kredibiliti ANGKASA selaku badan puncak dalam gerakan koperasi dinilai dengan begitu positif dan mempunyai peranan yang besar sebagai perintis kepada pelaksanaan Pematuhan Syariah.

7. Rasulullah SAW telah menyifatkan para ulama, umpama bintang petunjuk di langit. Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Baginda SAW bersabda yang bermaksud: **"Bandingannya para ulama di bumi ini samalah seperti bintang-bintang di langit. Ia menjadi pedoman dalam kegelapan di laut**

***dan di darat. Kalau bintang-bintang itu pudar, mereka yang berpandukannya akan sesat".***

8. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana di ANGKASA kita mempunyai kumpulan Jawatankuasa Syariah yang berautoriti dan diiktiraf oleh pihak luar dalam bidang yang berkaitan Syariah

Muamalat. Pada masa yang sama, jawatankuasa ini juga telah mendapat pengiktirafan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sendiri.

9. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar gerakan koperasi mengambil contoh kepada koperasi-koperasi yang telah diberikan

pengiktirafan Pematuhan Syariah oleh ANGKASA. Sudah pasti, untuk memastikan gerakan koperasi kita bebas daripada unsur ketidakpatuhan Syariah seperti Riba, Gharar (ketidakpastian), dan Maisir (perjudian) memerlukan komitmen yang tinggi daripada koperasi untuk bersama-sama dengan Sekretariat

Syariah melalui Seksyen Pematuhan Syariah, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA.

10. Pembangunan sistem berteraskan Syariah, modul-modul Pematuhan Syariah, latihan berkaitan Pematuhan Syariah, seminar-seminar, bengkel-bengkel dan juga pembentangan

Pematuhan Syariah telah disediakan oleh ANGKASA untuk kemudahan semua koperasi. Saya berharap agar koperasi mengambil peluang ini untuk membuat transformasi positif ke arah Pematuhan Syariah terhadap koperasi masing-masing.

## **Para hadirin hadirat yang dirahmati Allah Sekalian**

11. Semenjak penubuhan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah ANGKASA dan juga pembentukan Jawatankuasa Syariah ANGKASA ini, kita telah berusaha dengan sepenuh daya, bagi

membangunkan uslub dakwah melalui platform Pematuhan Syariah ini. Sudah tentu putaran sejarah itu ada naik dan turunnya, kita telah melalui pelbagai liku dan getir.

12. Namun yang lebih penting, kita sentiasa bangkit dan tidak pernah putus asa. Pematuhan Syariah melalui

Sijil Pematuhan Syariah ini semakin hari semakin mendapat tempat di hati koperasi kerana anggota- anggota koperasi dan juga masyarakat di seluruh negara begitu menekankan mengenai isu halal haram.

13. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar koperasi mengambil

peluang ini untuk memastikan aktiviti dan transaksi koperasi secara keseluruhannya berada di atas landasan Patuh Syariah.

14. Merujuk kepada data Pensijilan Pematuhan Syariah, terdapat 20 koperasi di Kedah, 17 koperasi di Perak, 7 koperasi di Pulau Pinang dan 3

koperasi di Perlis telah memperoleh pengiktirafan Sijil Pematuhan Syariah yang membawa jumlah keseluruhan 47 koperasi.

15. Berdasarkan jumlah tersebut, saya berkeyakinan tinggi bahawa selepas ini banyak lagi koperasi-koperasi terutama di 4 negeri ini akan

mengambil peluang sewajarnya dan lebih cakna tentang kepentingan dan kesedaran untuk mendapatkan pengiktirafan Pensijilan Pematuhan Syariah.

16. Inilah peranan yang dimainkan antara ANGKASA melalui Jawatankuasa Syariah ANGKASA dengan koperasi-

koperasi yang telah dan ingin mendapatkan perkhidmatan Pematuhan Syariah. Ia diibarat saling melengkapi bagi memastikan perjalanan Pematuhan Syariah ini berjalan dengan teratur.

**Para hadirin hadirat yang dirahmati  
Allah Sekalian**

17. ANGKASA selaku badan apeks begitu komited bagi merealisasikan matlamat dan aspirasi Al-Quran dan Al-Sunah untuk memastikan tiadanya elemen ketidakpatuhan Syariah di dalam gerakan koperasi.
18. Sebagai kesimpulan, saya menyeru kepada ahli gerakan koperasi untuk

mengambil peluang keemasan ini bagi menjayakan Koperasi Patuh Syariah dan menjadikannya sebagai Amal Jariah kita. Kita perlu meninggalkan legasi Syariah ini untuk disambung oleh generasi kita yang akan datang.

## 19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim

saya dengan ini merasmikan Bengkel Pengukuhan Pematuhan Syariah dan Penyampaian Sijil Pematuhan Syariah ANGKASA.

Sekian, terima kasih.